

Ali XPDC terharu keprihatinan PM

Berehat sepanjang Ramadan, penyanyi rock 'otai' bergantung hidup perniagaan maruku

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin
bhnews@bh.com.my

Bagai pucuk dicita, ulam mending. Sumbangan diterima daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dianggap penyanyi rock 'otai', Ali XPDC sebagai tepat pada masanya.

Dengan bantuan itu, dapatlah Ali menampung perbelanjaan harian dan membuat persiapan meraikan Aidilfitri.

Ali atau nama penuh, Mohd Ali Ismail, 56, berterima kasih kepada Perdana Menteri atas keprihatinan terhadap nasib anak seni yang kurang bernasib baik.

Sepanjang Ramadan, dia hanya bergantung kepada jualan maruku yang diusahakan isteri, Sharifah Syarzana, secara kecil-kecilan.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur dan berterima kasih atas keprihatinan ditunjukkan Perdana Menteri kepada anak seni.

"Sumbangan ini cukup besar maknanya buat kami sekeluarga kerana dapatlah digunakan untuk menyambut Syawal.

"Saya tahu ada cakap-cakap konon saya ambil kesempatan, namun secara

jujurnya, saya kurang sihat dan sempit. Jadi, sukar untuk saya keluar bekerja," katanya kepada HIP.

Rabu lalu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi menyampaikan sumbangan Anwar kepada Ali di kediaman penyanyi itu di Bandar Salak Tinggi, Selangor.

Mohon doa peminat

Ali bersyukur mendapat tawaran membuat persembahan selepas Aidilfitri dan meminta peminat berdoa agak dikurniakan kesihatan yang baik.

"Sebelum ini, saya kerap ditawarkan memberi tazkirah di masjid, namun tahun ini belum ada lagi yang meminta.

Sumbangan ini cukup besar maknanya buat kami sekeluarga kerana dapatlah digunakan untuk menyambut Syawal"

Ali



Ahmad Farhan (kiri) menziarahi Ali di Bandar Salak Tinggi, Sepang, Rabu lalu. (Foto FB Anwar Ibrahim)

"Isteri usahakan perniagaan maruku secara kecil-kecilan. Apabila kisah saya viral, terlalu banyak tempahan diterima, namun isteri tidak mampu penuhi," katanya yang turut dibantu anak-anak dalam menampung kehidupan harian.

Sementara itu, Anwar melalui hantaran Facebook (FB) mendoakan Ali yang terkenal dengan lagu *Bunga Angkasa* diberi kesembuhan.

"Saya doakan Ali dikurniakan afiyah dan sentiasa diberi kekuatan untuk meneruskan kehidupan bersama keluarga tercinta. Insya-Allah," katanya.

Pada Mac 2022, Ali dilaporkan dikejarkan ke Hospital Ampang apabila didapati tidak bermaya selepas selesai berlatih di studio pemain bes XPDC, Eddie di Pandan Indah, Ampang.